

Headline	Galak veteran tentera ceburi pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	21	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm ²
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 6,742
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,225



Galak veteran tentera ceburi pertanian

Ahli Parlimen sokong latihan kepada golongan itu untuk jana pendapatan

AZIE YAHAYA

KLANG

Veteran tentera di galakkan menceburi bidang pertanian kerana sektor berkenaan mampu memberi pulangan lumayan.

Menteri Pertanian, Mohamad Sabu berkata, usaha Kerajaan Selangor menyediakan latihan dan bimbingan kepada golongan terbabit adalah wajar.

“Kebanyakan tentera bersara awal dan ada juga yang tidak berpencen, malah termasuk dalam golongan B40. Jadi mereka perlukan pekerjaan tambahan bagi menampung pendapatan keluarga.

“Kita menggalakkan mereka menceburi pertanian moden kerana di



Mohamad (dua, kanan) dan Izham (kanan) melawat gerai buahan-buahan selepas merasmikan Karnival SAM @ My Best Buy Parlimen Kota Raja, di Stesen Mardi Jalan Kebun, semalam.

negara maju bidang ini boleh beri pulangan lumayan. Cuma di negara kita saja orang anggap sektor ini tahap bawah.

“Kita sokong sepenuhnya usaha kerajaan negeri membimbing serta melatih kepada bekas tentera untuk bantu jana pendapatan mereka,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival SAM @ My Best Buy Parlimen Kota Raja, di Stesen Mardi Jalan Kebun, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus

Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hasim; ADUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni; ADUN Sentosa, G Gunaraj; ADUN Kota Kemuning, V Ganabatirau dan Pengarah Fama Selangor, Datuk Abdul Ghariff Ramin.

Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja berkata, kerajaan melalui Kementerian Kewangan

sudah menunaikan semua peruntukan kepada veteran dan bekas tentera membabitkan sejumlah RM79 juta.

Katanya, terkini Bantuan Harapan Negara sempena sambutan Aidilfitri tahun ini akan diberi kepada veteran berpencen dan tidak berpencen dengan syarat mereka berpendapatan RM3,000 ke bawah.

“Seramai lebih 160,000 golongan terbabit bakal mendapat manfaat Bantuan Harapan Negara tahun ini,” katanya.